

Newspaper	Berita Harian
Date	11 August 2015

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 SINGAPURA

Mengukuhkan semangat kepentingan bersama

BH-11/8/2015

» *Malaysia, Singapura usat dibelenggu isu lampau*



NAJIB RAZAK

tiasa mencapai yang terbaik apabila kita berganding bahu secara pragmatik - dan banyak yang boleh kita banggakan.

Padatahun 1967, kita menjadi antara lima pengasas ASEAN, organisasi yang mengekalkan keamanan di rantau yang didiami penduduk merangkumi pelbagai kumpulan etnik dan anutan agama. Kita membentuk Pejajaran Pertahanan Lima Negara (FDPA) pada tahun 1971; kita bekejasama erat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1980-an bagi memastikan masa depan lebih baik di Indonesia dan hari ini, kaitan antara kita berlaku dalam banyak keadaan.



Najib ketika bertemu rakan sejawatnya, Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Singapura, kelmarin.

(FOTO BERNAMA)

Genap 50 tahun lalu, Singapura menjadi sebuah negara merdeka. Sebagai budak lelaki berusia 12 tahun, saya menyedari kepentingan Malaysia mempunyai jiran baharu dengan kedua-dua negara menetapkan sempadan tersendiri - masing-masing bertekad meneruskan langkah sendiri dalam meniti kemerdekaan, berbekalkan pelbagai peluang dan cabaran yang perlu dihadapi negara membangun pada tahun 1960-an.

Sememangnya kita menaruh minat mendalam terhadap Singapura, dengan sejarah dan geografi menjadi pengikat Ibarat pepatah Melayu: sedangkan lidah lagi tergilil.

Dalam erti kata lain, kita ditakdirkan untuk bergabung dan perlu bekejasama, bukan bersaing.

Sejak berdekad lamanya, kita memerhatikan kemajuan Singapura. Kita turut berduka cita atas kematian Lee Kuan Yew pada Pebruari lalu. Wawasannya mengukuhkan kemajuan Singapura dan beliau dikagumi oleh rakan serta pengkritik. Asia Tenggara kehilangan seorang negarawan dengan pemergiannya. Ketiadaannya amat dirasakan dalam sambutan penuh bermakna ini, namun legasi beliau kukuh terpelihara - dalam bentuk Singapura yang ada pada hari ini.

Malaysia dan Singapura mempunyai perbezaan masing-masing, tetapi kita sen-

Rakan dagang global Ambil keijjasama perdagangan sebagai contoh. Kita saling menjadi rakan dagang kedua terbesar selepas China. Pada tahun 2014, Singapura adalah rakan dagang global kedua terbesar Malaysia dan terbesar di ASEAN. Singapura juga sumber pelaburan asing kedua terbesar di Malaysia tahun lalu, dan saya gembira kerana Singapura mula meneroka negeri lain, termasuk ke Sabah dan Sarawak walaupun Iskandar Malaysia dan Pulau Pinang menjadi fokus utama pelaburannya selama ini.

Dalam aspek pelancongan, 13.9 juta pengunjung dari Singapura memasuki Malaysia pada tahun 2014 - peningkatan 5-7 peratus berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, kita mahukan lebih ramai pengunjung dari Singapura dan tahun ini, Tourism Malaysia berharap dapat menarik kedatangan 14.5 juta pelawat dari Singapura.

Penekanan terhadap perubahan pendekatan kedua-dua negara berlaku sebaik saya menjadi Perdana Menteri. Penyelesaian saling memanfaatkan Perkara Yang Dipersetiyyi (POA) pada tahun 2010 - selepas 20 tahun gagal mencapai kata sepakat - adalah contoh bagaimana kita memilih untuk melangkah ke hadapan atas semangat kepentingan bersama, dan mengetepikan tembok yang sekian lama menjadi pemisah.

Perdana Menteri, Lee

Hsien Loong dan saya bersejua bawha kedua-dua negara tidak wajar dikekang dengan isu lampau. Ada pihak pernah menganggap persepakatan sebagai satu bentuk kelemahan tetapi zaman itu sudah berlalu. Masa depan kita adalah sebagai rakan kongsi. Malah, baru-baru ini timbul cadangan supaya Malaysia dan Singapura bersama merangka usaha imtuk melobi sebagai tuan rumah temasya Sukan Olimpik.

Dalam nada lebih peribadi, hubungan baharu Malaysia dan Singapura terbentuk sejurus saya menjadi Perdana Menteri. Dalam lawatan ke Taman Botani Singapura pada Mei 2009, saya berasa terharu apabila dimaklumkan spesies orkid hibrid Dendrobium Ronald Imanuel dan Dendrobium Jeffrey Tan dinamakan sebagai Dendrobium Najib Rosmah. Orkid hibrid itu adalah simbol hubungan antara Malaysia dan Singapura. Ia perlu dihaja dengan teliti bagi membolehkannya berkembang mekar.

Kukuh kesalinghubungan Saya amat gembira dengan peibagai perkembangan sulusulan hubungan lebih akrab kedua-dua negara dan berharap lebih banyak akan dicapai pada masa akan datang. Pembinaan Kereta Api Kelajuan Tinggi (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura pasti akan mengubah cara rakyat Malaysia dan Singapura saling berinteraksi, mengukuhkan

kesalinghubungan antara dua bandar raya, memantapkan rangkaian perniagaan dan meningkatkan hubungan antara penduduk.

Dalam kesempatan memabatkan dua negara ini, saya meminta supaya rakyat Singapura tidak mengahkimi Malaysia dengan apa yang dibaca menerusi media sosial atau kenyataan bermotif politik segelintir pihak yang mahu merjatuhkan negara kami.

Saya akan memastikan Malaysia kekal stabil dan selamat, baik untuk pelawat mahu pun rakyat Malaysia sendiri.

Berkongsi aspirasi Hakikatnya, kami berkongsi aspirasi anda dalam memiliki pentadbiran baik; ekonomi kukuh, inklusif dan mapan berasaskan landasan yang teguh; dan untuk kestabilan, keharmonian dan kepelbagaian.

Itu sebabnya mengapa kita adalah rakan kongsi yang baik dan mengapa Hsien Loong dan saya akan terus bekejasama rapat demi kepentingan rakyat Malaysia dan Singapura.

Lima puluh tahun lalu, hubungan kedua-dua negara dilanda ketegangan. Hari ini, kita rakan paling akrab dan ia terbukti menerusi apa yang dicapai bersama selama ini. Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-50, Singapura. Malaysia sedia meraikan lebih banyak kejayaan bersama anda selepas ini.